

Kelebihan dan Kekurangan Milikan Tunggal

Kelebihan	Kekurangan
Mudah ditubuhkan kerana proses penubuhan sangat ringkas	Liabiliti adalah tidak terhad
Tidak banyak syarat dan hanya memerlukan modal yang kecil	Sukar untuk mengembangkan perniagaan kerana modal terhad
Pemilik bebas membuat keputusan	Pemilik menanggung kesemua kerugian yang dialami
Beban cukai yang rendah kerana hanya membayar cukai pendapatan individu	Tiada pengalaman / pengalaman yang terhad
Mudah diuruskan kerana saiz perniagaan yang kecil	Beban kerja ditanggung oleh pemilik sendiri

Kelebihan dan Kekurangan Perkongsian

Kelebihan	Kekurangan
Mudah ditubuhkan kerana proses penubuhan adalah ringkas	Liabiliti adalah tidak terhad kerana melibatkan aset peribadi rakan kongsi untuk menjelaskan hutang perniagaan
Kepakaran, pengetahuan serta pengalaman boleh dikumpulkan daripada rakan kongsi	Modal masih terhad untuk mengembangkan perniagaan berbanding dengan syarikat berhad
Beban cukai yang rendah kerana hanya membayar cukai pendapatan individu	Perniagaan akan dibubarkan jika salah satu rakan kongsi meninggal dunia, muflis, dan sebagainya

Kelebihan dan Kekurangan Syarikat Sendirian Berhad

Kelebihan	Kekurangan
Modal lebih besar Lebih banyak modal dapat diperoleh daripada terbitan syer	Penawaran syer terhad (maksimum 50 orang) Penerbitan syer hanya ditawarkan kepada saudara-mara atau rakan-rakan yang rapat
Liabiliti terhad Pemegang syer hanya kehilangan modal syer yang dilaburkan sahaja. Harta peribadi tidak digunakan untuk menyelesaikan hutang syarikat	Beban cukai tinggi Kadar bayaran cukai pendapatan syarikat adalah tinggi
Hal ehwal syarikat dirahsiakan Laporan kewangan tidak diumumkan kepada orang awam	Syer tidak boleh bebas dipindah milik Syer boleh dipindah milik hanya dengan kelulusan daripada lembaga pengarah
Jangka hayat perniagaan yang panjang Jangka hayat perniagaan terus kekal walaupun terdapat sebarang perubahan dalam penukaran milik saham atau kematian pemegang saham	Penubuhan yang rumit Pembentukan syarikat adalah rumit dan melibatkan syarat penubuhan yang banyak berdasarkan Akta Syarikat 2016

Kelebihan dan Kekurangan Syarikat Awam Berhad

Kelebihan	Kekurangan
Modal lebih besar Banyak modal dapat diperoleh dengan mudah kerana bilangan ahli tiada had maksimum	Penubuhan yang rumit Perlu mematuhi pelbagai peraturan dan pelbagai borang yang terlibat semasa membuat permohonan
Liabiliti terhad Jika syarikat muflis, pemegang saham hanya rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja	Beban cukai tinggi Kadar bayaran cukai pendapatan syarikat adalah tinggi
Ganjaran ekonomi bidangan Perniagaan dapat dijalankan secara besar-besaran kerana bermodal besar	Entiti berasingan Syarikat diuruskan oleh ahli lembaga pengarah. Terdapat risiko kemungkinan penyelewengan berlaku
Kewujudan kekal Syarikat dan pemilik adalah entiti berasingan	Tiada kerahsiaan Laporan kewangan perlu diumumkan kepada orang ramai

Kelebihan dan Kekurangan Koperasi

Kelebihan	Kekurangan
Liabiliti terhad Sebarang kerugian atau hutang perniagaan ditanggung oleh modal yang dilaburkan sahaja	Kadar pulangan dividen rendah Dividen adalah rendah jika berbanding dengan pelaburan dalam syarikat berhad
Pentadbiran secara demokrasi Pentadbiran dijalankan secara demokrasi melalui pengundian ahli koperasi	Pemisahan pemilikan dan pengurusan Pekerja tidak terdorong untuk memajukan perniagaan
Tiada beban cukai Keuntungan koperasi dikecualikan daripada cukai	Pemilikan syer terhad Setiap individu tidak boleh memiliki syer melebihi 20%
Rebat Merupakan insentif yang diberikan oleh koperasi kepada pelanggan	Pindah milik syer Syer tidak boleh dipindah milik kepada orang lain